

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[ PANDAN ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan apakah tindakan bagi memastikan kes gangguan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak ditangani secara berkesan sebelum RUU tersebut dibentangkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Draf Rang Undang-undang Gangguan Seksual (RUU GS) telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan pasukan projek khas yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan. Pada ketika ini, Kementerian sedang membuat tindakan penyelarasan dan sesi libat urus dengan Kementerian dan agensi lain yang akan terkesan daripada penggubalan RUU ini. Tindakan ini amat penting untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang efektif, termasuklah berupaya mengisi kelompongan undang-undang, peraturan dan pekeliling sedia ada.

Tidak dapat dinafikan jadual penggubalan RUU ini sedikit terjejas berikutan dengan pandemik COVID-19 yang telah mengehadkan pelaksanaan libat urus draf RUU berkenaan dan oleh yang demikian, sasaran pembentangan RUU telah dibuat sedikit pengubahsuaian untuk ia dapat dibentangkan pada tahun 2021.

Sementara menunggu RUU ini dibentangkan, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai Akta dan peraturan lain seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U (A) 395/1993*];
- iv. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes dalam **sektor swasta**, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menguatkusakan Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan mensyaratkan majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja.

Bagi kes dalam **sektor awam**, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja. Bagi kes gangguan seksual terhadap **kanak-kanak** pula, ia ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*].

KPWKM berharap keadaan pandemik COVID-19 akan semakin terkawal dan konsultasi dengan pemegang taruh dapat dilaksanakan dengan segera sebelum RUU ini dapat dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.